

# GARIS PANDUAN PELAKSANAAN AGIHAN DANA KEWANGAN UNTUK TUJUAN PENYELIDIKAN DI UNIVERSITI MALAYA (UM)

## 1. PENGENALAN

- (1) Berkuatkuasa 7 Ogos 2017, setiap dana penyelidikan yang diagih/diterima di Universiti Malaya (UM) adalah tertakluk kepada dasar agihan yang telah ditetapkan berdasarkan jumlah dana yang diterima oleh penyelidik.
- (2) Dana yang terlibat adalah dari sumber dalaman, antarabangsa dan pihak luar yang meliputi individu, industri, Agensi bersifat Bukan Kerajaan Negeri dan Persekutuan Malaysia atau Entiti yang sah disisi undang-undang.
- (3) Dana berbentuk anugerah, endowmen, hadiah, sumbangan dan derma yang digunakan untuk tujuan penyelidikan adalah tertakluk kepada garis panduan ini.

## 2. TUJUAN

Garis Panduan ini bertujuan memperjelaskan agihan yuran pengurusan/fasiliti bagi dana penyelidikan yang diterima oleh UM untuk memastikan kelestarian penyelidikan di Universiti Malaya.

## 3. LATAR BELAKANG

- (1) Sebagai implikasi kepada pemotongan geran kerajaan yang dikenakan terhadap Universiti Awam, pihak Universiti Malaya perlu mewujudkan kaedah yang proaktif dan berkesan di dalam mencari sumber dana kewangan bagi tujuan penyelidikan, OPEX dan CAPEX.
- (3) Dicadangkan supaya agihan dana kewangan yang diterima sama ada tempatan atau antarabangsa dilaksanakan di UM. Inisiatif ini dilaksanakan bagi menampung perbelanjaan dan memastikan peruntukan sedia ada diuruskan dan digunakan secara optimum.
- (3) Peratusan (%) dan agihan dana yuran pengurusan kepada UM untuk tujuan penyelidikan adalah seperti dinyatakan dalam **Jadual 1** berikut:

Bil.	Dana Penyelidikan (RM)	Pembahagian (%)			
		Dana Projek	Overhead		
			UM	PTj/ Kluster Penyelidikan	Penyelidik Utama / Kumpulan Penyelidik/ Pusat Penyelidikan
1.	RM50,000 hingga RM1,000,000	95	2.5	0.5	2

2.	RM1,000,001 hingga RM10,000,000	93	3.5	0.5	3
3.	Melebihi RM10,000,000	91	4.5	0.5	4

- (4) Jumlah yang dikenakan adalah berdasarkan peruntukan sebenar dana penyelidikan **yang diterima di UM** termasuk GST.

Contoh kiraan adalah seperti berikut:

<b>Bil.</b>	<b>Butiran Peruntukan (RM)</b>	<b>Kos Projek (RM)</b>
1.	Gaji dan Upah ( <i>Salaries &amp; Wages</i> )	48,000.00
2.	Perbelanjaan Pengangkutan dan Sara hidup ( <i>Travel expenses and Subsistence</i> )	15,000.00
3.	Sewa ( <i>Rental</i> )	0,00
4.	Bekalan dan Lain-lain Bahan( <i>Supplies &amp; Other Materials</i> )	5,000.00
5.	Penyelenggaraan dan Pembaikan kecil ( <i>Maintenance and Minor repair</i> )	0.00
6.	Khidmat profesional dan lain-lain perkhidmatan ( <i>professional services and other services</i> )	12,000.00
7.	Peralatan ( <i>Equipment</i> )	20,000.00
8.	Jumlah Kos Projek ( <i>Direct Incurred Cost</i> )	100,000.00
9.	GST (6%) (tidak termasuk Gaji dan Upah) ( <i>excluding Salaries and Wages</i> )	3,120.00
10.	Penyelenggaraan dan kos tidak langsung ( <i>Estate and indirect cost</i> )(5%)	5,000.00
<b>JUMLAH KOS PROJEK (TOTAL PROJECT COST)</b>		<b>108,120.00</b>

#### 4. TERMA RUJUKAN PERBELANJAAN

- (1) UM/ PTj/ Kluster Penyelidikan/ Pusat Penyelidikan/ Kumpulan Penyelidikan/ Penyelidik dibenarkan membelanjakan peruntukan ini mengikut kepada keperluan berkaitan dengan urus tadbir penyelidikan.
- (2) Pusat Penyelidikan/ Kumpulan Penyelidikan/ Penyelidik dibenarkan untuk membelanjakan peruntukan tersebut bagi aktiviti berikut:
  - (a) Pengurusan dan pentadbiran Pusat Penyelidikan;
  - (b) Keperluan fasiliti dan perkhidmatan penyelidikan;

- (c) Pematuhan dan akreditasi penyelidikan; dan
- (d) Menghadiri persidangan/ sangkutan penyelidikan yang berkaitan.

Kelulusan penggunaan bagi perbelanjaan oleh Pusat Penyelidikan dan Kumpulan Penyelidikan perlu mendapat kelulusan terlebih dahulu daripada Kluster Penyelidikan atau Unit Pengurusan Penyelidikan di PTj.

## 5. PROSEDUR

- (1) Menjadi tanggungjawab penyelidik dalam penyediaan kertas cadangan penyelidikan untuk mengambilkira yuran pengurusan/ fasiliti geran penyelidikan dalam bahagian bajet kertas cadangan penyelidikan sepertimana yang dinyatakan dalam **Jadual 1**.
- (2) Yuran pengurusan/ fasiliti untuk geran penyelidikan yang diterima akan diagihkan mengikut pecahan seperti yang ditetapkan.

Sebarang kemusykilan, sila hubungi:

Unit Kewangan  
Pejabat Penolong Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)  
Aras 7, Kompleks Pengurusan Penyelidikan & Inovasi  
No. Telefon: 03 – 7967 4525/ 4643